

	UKM-SPKP-PUST-PK03-BO06	No. Semakan: 00	Tarikh Kkuatkuasa:01/05/2015
	BORANG TAMPALAN ARTIKEL AKHBAR		

Berita Harian	<input type="checkbox"/>	Mingguan Malaysia	<input checked="" type="checkbox"/>	The Star	<input type="checkbox"/>
Berita Minggu	<input type="checkbox"/>	Kosmo	<input type="checkbox"/>	Sinar	<input type="checkbox"/>
Utusan Malaysia	<input type="checkbox"/>	New Straits Times	<input type="checkbox"/>	Harian Metro	<input type="checkbox"/>

Tarikh: 24/4/16 M/Surat: 33 Ruangan: Rencam

UBAH FIKIRAN ANDA MENGENAI AUTISME

Sering disalah mengertikan dan tidak didiagnos, kanak-kanak autisme berdepan dengan banyak cabaran dalam perjalanan mereka menuju ke alam dewasa. Kami berbicara dengan dua penjaga individu autisme bagi mengetahui mengapa diagnosis dan campur tangan awal adalah mustahak, dan bagaimana membimbing anak-anak mereka memerlukan rangkaian sokongan NGO, pendidik dan sektor swasta.



JOHN Barnes bergurau dengan kanak-kanak autisme dalam kerja amal anjuran Standard Chartered Foundation.

HABIBAH Kiprawi, pnsyarah undang-undang di Universiti Teknologi Mara (UiTM), menjelajah kira-kira 100km sehari apabila beliau membawa anak lelaki keduanya, Irsyad, dari rumah mereka di Shah Alam ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi.

Ia adalah perjalanan jauh, sesuatu yang ibu beranak dua ini komited untuk lakukan agar Irsyad mendapat manfaat daripada program-program yang dikendalikan di Makmal Autisme yang pertama seumpamanya di UKM. Irsyad telah didiagnos dengan autisme pada usia dua tahun, selepas Habibah mendengar pendapat pakar paediatrik apabila beliau merasakan kemajuannya ketara berbeza dengan bayi-bayi lain.

"Irsyad adalah bayi yang begitu pendiam. Kakak saya, seorang jururawat, menyatakan dengan bayi sedemikian saya patut ada 10 lagi anak sepertinya. Pakar paediatrik Irsyad menasihatkan saya agar tidak bimbang, tetapi sebagai ibu bapa, naluri saya memberitahu ada sesuatu tidak kena," kata Habibah, yang ingat bagaimana Irsyad semasa kecil, akan berulang kali menyusun alat permainannya secara menegak dan melintang.

"Apabila kami menerima diagnosis, kami tidak pernah mendengar apa itu autisme. Saya keluar dari hospital dengan 1,001 persoalan," kata Habibah. Beliau mencari maklumat secara dalam talian dan menyertai perkumpulan ibu bapa untuk mendapatkan sokongan.

"Ibu bapa kepada kanak-kanak

autisme akan bersama-sama mengumpul sumber-sumber kami supaya kami boleh membayar pakar autisme dari luar negara untuk datang ke Malaysia dan memeriksa anak-anak kami menerusi temu janji persendirian," tambah beliau.

Irsyad bernasib baik kerana dia didiagnosis autisme di peringkat awal, yang menurut statistik Kementerian Kesihatan, menjejaskan 1 daripada 170 kanak-kanak di Malaysia.

Beberapa tahun ini, usaha untuk mengubati autisme telah digantikan dengan pengiktirafan bahawa ia adalah satu contoh kepelbagaian neural, dan bahawa penghidap autisme memiliki keupayaan dan kekuatan unik tersendiri.

Namun, penjaga sering terpaksa menanggung kejutan

daripada diagnosis, dan beban sebenar penjagaan dan terapi yang diperlukan oleh penghidap autisme.

Lee Li Pin, seorang bekas pemasar perubatan, memilih untuk menjadi penjaga sepenuh masa selepas anak lelaki tunggalnya, Hoy Mun, didiagnos dengan autisme pada usia empat tahun. "Hoy Mun menyukai permainan seperti sorok-sorok. Apabila dia yang menyorok, dia mengelak bertentang mata dan tidak akan menjawab apabila kami bercakap dengannya."

Mencabar

Sementara Hoy Mun pada mulanya mengikuti kelas pendidikan khas dalam sistem pendidikan arus perdana, pembelajaran adalah begitu mencabar untuk dirinya. "Orang



BERMAIN piano dan melukis adalah terapi dan latihan yang berguna dalam melatih penyelarasan tangan dan mata golongan autisme.

dengan autisme tidak menyerap pembelajaran menerusi contoh - mereka perlu melakukan tugas mudah berulang-ulang kali untuk membentuk kemahiran," jelas Li Pin.

Kekangan kewangan adalah satu lagi cabaran bagi para penjaga. Hoy Mun, kini 18 tahun, mengikuti pelbagai terapi dari muzik dan terapi air hinggalah kesenian, yang membantunya kekal fokus dan menambah baik kemahiran motornya.

"Terapi muzik memakan kos sekitar RM90 untuk 45 minit. Daripada 45 minit itu, 30 minit terbuang dengan dia menangis kerana enggan mengikuti arahan," kata Li Pin.

"Orang mungkin mengatakan kami kurang waras kerana menghantarnya ke terapi muzik tetapi ia adalah latihan

yang berguna dalam melatih penyelarasan tangan dan matanya."

Kedua-dua ibu tersebut yakin bahawa campur tangan di peringkat awal membantu menyediakan kemahiran asas kepada anak mereka. "Semasa suami yang bekerja, Hoy Mun yang menjaga saya semasa saya berbaring atau berehat setelah terkena gangguan vertigo. Dia menyediakan sarapan dan membantu saya ke bilik air. Memang melegakan melihat dia ada keupayaan tersebut, kerana apabila anda membesarkan anak autisme, kadang-kadang anda tidak tahu apakah yang anda ajar benar-benar dapat diterimanya," kata Li Pin.

"Ibu mentua saya kagum bila Irsyad boleh melakukan dobinya sendiri, dan bahawa dia mengikuti

arahan yang kami tinggalkan kepadanya. Ibu mentua saya menyangka diagnosis bermaksud dia kurang upaya dan tidak boleh melakukan apa-apa! Walaupun dia tidak bercakap dengan anda, dia memahami apa yang dikatakan kepadanya," kata Habibah.

Kedua-dua mereka bersyukur bahawa kesedaran, sokongan dan acara komuniti telah meningkat sejak anak mereka mula-mula didiagnos.

"Makmal Autisme UKM memberi keluarga saya suatu harapan baharu," ujar Habibah. "Saya terhutang budi kepada Dr Hasnah Toran, pengasas makmal itu. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Standard Chartered Foundation kerana menyokong Makmal Autisme dan melancarkan inisiatif-inisiatif yang membantu menyebarkan kesedaran tentang autisme," kata beliau.

Sebagai sebahagian proses sosialnya, Hoy Mun dan bapanya telah mendaftar untuk menyertai Larian Autisme Standard Chartered KL Marathon (SCKLM) 2015.

"Kami mendapat manfaat daripada klinik hujung minggu yang diadakan khusus bagi kanak-kanak autisme. Hoy Mun amat menyukai klinik itu, dan ia bagus untuknya, bukan sahaja secara fizikal tetapi juga untuk interaksi dengan anak-anak lain dan sukarelawan," kata Li Pin.

"Beberapa ibu bapa yang tidak menyertai larian SCKLM, tetapi mengetahui tentang klinik itu, juga membawa bersama anak mereka, kerana tidak terdapat banyak aktiviti seumpamanya yang memenuhi keperluan kanak-kanak autisme," tambah beliau.

